

PEMBINAAN TAKSONOMI KEROHANIAN; INISIATIF AWALAN

Noor Hisham Md Nawi

*Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan, Universiti Malaysia Kelantan
hisham@umk.edu.my*

ABSTRACT

Our national education system is inseparable with various taxonomies that focus on cognitive domain especially Bloom's Taxonomy. Though there are various other taxonomies, Bloom's Taxonomy is still dominant and widely used in the national education system from the lowest level of education up to HEI. This taxonomy has been criticized and does not provide a single guide to address the spiritual aspect. Krathwohl's taxonomy which focuses on the affective domain is not able to meet the learning needs of the spiritual domain as required by the National Education Philosophy which emphasizes balance and harmony between the physical, emotional, spiritual and intellectual domains (JERI). So far, there is no such taxonomy developed to help educators dealing with spiritual aspects such as Islamic education courses. This article aims to explore the need to develop a taxonomy based on the spiritual domain. By using an integrated research approach, the concept of spirituality-based taxonomy and its needs are explored based on the guidelines of revelation and related secondary sources. The findings indicate that spiritual taxonomy is an urgent need in the Islamic education system and should be developed immediately.

Keywords: Bloom's taxonomy, spiritual domain, integrated education, revelation

ABSTRAK

Sistem pendidikan negara seperti tidak dapat dipisahkan dengan pelbagai taksonomi yang berfokuskan kepada domain kognitif terutama Taksonomi Bloom. Meskipun terdapat pelbagai taksonomi lain, Taksonomi Bloom masih dominan dan digunakan secara meluas dalam sistem pendidikan negara dari peringkat pendidikan yang paling rendah sehingga ke IPT. Taksonomi ini telah banyak dikritik dan tidak menyediakan satu panduan untuk menangani aspek kerohanian. Taksonomi Krathwohl yang memberi fokus kepada domain afektif dilihat belum mampu untuk memenuhi keperluan pembelajaran domain kerohanian sebagaimana yang dikehendaki oleh Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang mementingkan keseimbangan dan keharmonian antara domain jasmani, emosi, rohani dan intelektual (JERI). Setakat ini belum ada lagi satu taksonomi yang dibangunkan secara khusus untuk membantu warga pendidik menyantuni aspek kerohanian secara jelas seperti kursus atau matapelajaran pendidikan Islam. Artikel ini bertujuan untuk meneroka keperluan membangunkan satu taksonomi yang berasaskan kepada domain kerohanian di samping turut memanfaatkan taksonomi berasaskan kognitif. Dengan menggunakan pendekatan penyelidikan bersepada, konsep taksonomi berasaskan kerohanian dan keperluannya diteroka berpandukan pedoman wahyu dan sumber-sumber sekunder yang berkaitan. Dapatkan menunjukkan bahawa taksonomi kerohanian adalah satu keperluan penting dalam sistem pendidikan Islam dan perlu dibangunkan dengan kadar segera.

Kata kunci: Taksonomi Bloom, domain kerohanian, pendidikan bersepada, wahyu

PENDAHULUAN

Sebahagian besar sistem pendidikan di seluruh dunia termasuk dunia Islam menggunakan Taksonomi Bloom meskipun banyak lagi taksonomi lain yang dibangunkan seperti Taksonomi Marzano, Taksonomi Solo, Taksonomi Dave dan lain-lain. Tidak dinafikan bahawa Taksonomi Bloom banyak membantu pendidik khususnya dalam aspek pengurusan kurikulum dan mendapatkan penilaian dengan lebih tepat (Mike, 2013). Ramai penyelidik dalam pendidikan menyatakan bahawa kategori taksonomi yang dibangunkan oleh Bloom berguna sebagai satu rangka kerja untuk meneliti proses-proses pendidikan dan menganalisis peranannya.

Namun, kredibiliti Taksonomi Bloom sebagai asas mengukur pencapaian objektif pembelajaran seringkali dipersoalkan sejak awal pelaksanaannya. Taksonomi Bloom juga menerima banyak kritikan dari pelbagai pihak (Paul & Elder, 2006; Gueguen, 2016). Justeru, banyak semakan telah dilakukan untuk memperbaiki lagi fungsinya dalam pendidikan. Salah satu daripadanya ialah pengemaskinian yang dilakukan oleh Lorin Anderson bersama David Krathwohl pada tahun 1996 supaya lebih sesuai dengan peredaran masa dan abad ke-21. Pada tahun 2001, mereka telah menerbitkan hasil penyelidikan yang mengutarakan perubahan dalam tiga kategori iaitu istilah, struktur dan penekanan (Forehand, 2004).

PERMASALAHAN

Taksonomi Bloom adalah umpama kitab suci kepada semua fakulti pendidikan di Malaysia. Hampir keseluruhan proses pembelajaran dalam semua bidang ilmu dalam negara mesti merujuk kepada Taksonomi Bloom. Taksonomi juga digunakan di semua pusat pengajian tinggi khususnya dalam penggubalan sesuatu kurikulum. Malahan ia turut diaplikasikan dalam pengajian dan pendidikan Islam. Secara sepintas lalu, taksonomi ini dilihat tiada masalah dengan pandangan alam Islam sehingga ia dimanfaatkan dalam tempoh masa yang lama (Nursyahirah Wahidah et.al, 2018). Siapakah Profesor Benjamin Samuel Bloom yang bertanggungjawab memperkenalkan taksonomi tersebut? Bloom adalah Bapa Reformasi Kurikulum Israel. Beliau adalah seorang psikologi dalam bidang pendidikan yang melakukan penelitian dan pengembangan mengenai kemampuan berfikir dalam proses pembelajaran. Beliau juga sebagai perunding dan aktivis antarabangsa dalam bidang pendidikan dan berjaya membuat perubahan besar dalam sistem pendidikan di India. Bloom meninggal dunia pada 13 September 1999.

Idea beliau tentang Taksonomi Bloom telah dikritik oleh pelbagai pihak meskipun telah melalui beberapa semakan. Sebagai contoh, Taksonomi Bloom tidak mempunyai pengelasan hierarki yang konsisten menyebabkan berlakunya pertindihan kategori dan struktur hierarki yang tidak harmoni (Gueguen, 2016). Selain itu, pendidik juga mempunyai pandangan dan kefahaman yang berbeza pada setiap aras. Ini menyebabkan penilaian yang berasaskan aras kognitif taksonomi Bloom tidak dapat dibuktikan secara tepat. Brenda Sugrue dalam kajiannya bertajuk *Problems with Bloom's Taxonomy* mengkritik penggunaan Taksonomi Bloom yang tidak sesuai dengan sistem pendidikan terkini. Walaupun Taksonomi Bloom telah melalui fasa semakan semula, ia masih kekal bermasalah (Gueguen, 2016; Hess, 2009; Marzano & Kendall, 2007; Pandora, 2014). Ini bermakna Taksonomi tersebut tidak pernah sunyi dari kritikan dan komen.

Bagaimana pula dengan tokoh-tokoh pendidikan Islam. Setakat ini tidak banyak yang memberi kritikan dan mencadangkan alternatif baharu untuk menggantikan taksonomi tersebut. Benarkah Taksonomi Bloom serasi dengan falsafah pendidikan Islam atau konsep ilmu dalam

Islam atau konsep insan dalam Islam. Bagaimana Taksonomi Bloom boleh membantu untuk mencapai matlamat ilmu fardu ain dan ilmu fardu kifayah? Setakat mana Taksonomi Bloom boleh membantu untuk mencapai objektif bagi domain rohani yang menjadi matlamat utama kepada sebahagian besar kandungan pendidikan Islam? Kesemua isu-isu ini menjadikan Taksonomi Bloom perlu disemak kembali akan kesesuaianya dengan konsep atau sistem pendidikan Islam. Mungkin juga sudah tiba masanya umat Islam mempunyai taksonomi pendidikan baharu yang lebih serasi dengan ruh dan matlamat pendidikan Islam.

KAJIAN LITERATUR

Taksonomi Bloom

Taksonomi berasal dari dua kata dalam bahasa Yunani, iaitu ‘tassein’ yang bermakna mengklasifikasi dan ‘nomos’ yang berarti aturan. Jadi taksonomi berarti hierarki klasifikasi berasaskan prinsip atau aturan. Istilah ini kemudian digunakan oleh Benjamin Samuel Bloom, seorang pakar dalam bidang psikologi pendidikan yang melakukan penyelidikan mengenai kemampuan berfikir dalam proses pembelajaran. Menurut Bloom (1964), taksonomi bermaksud satu set pengelasan yang disusun dan disesuaikan atas dasar yang konsisten. Taksonomi juga merupakan sistem pengelasan objektif pendidikan yang didefinisikan dengan seberapa tepat yang mungkin serta disusun daripada konsep yang ringkas kepada yang kompleks. Susunan ini bertujuan untuk memudahkan guru untuk menentukan tahap penguasaan murid mereka.

Bermula pada tahun 1948, di Boston, Amerika Syarikat, sekumpulan ahli psikologi telah berbincang tentang kesulitan melaksanakan penilaian dalam pendidikan. Hal ini disebabkan oleh tiadanya rangka rujukan yang dipersetujui bersama semasa menilai aspek-aspek yang terdapat dalam bidang tersebut. Objektif pendidikan seringkali dinyatakan sebagai ungkapan yang menjemukan dan klise yang tidak bermakna seperti ungkapan berfikir’ atau ’memahami’. Kekaburuan ini menyebabkan berlaku ketidakseragaman dalam menyediakan pengalaman pembelajaran dan instrumen penilaian kepada murid yang terlibat. Dalam satu persidangan Psikologi di Amerika Syarikat pada awal tahun 1950an, Bloom dan kawan-kawannya telah mengemukakan bahawa peratusan tertinggi dari hasil penilaian pelajar hanya tertumpu kepada aspek hafalan semata-mata. Sedangkan aspek hafalan sebenarnya adalah tahap paling rendah dalam kemampuan pelajar berfikir. Akhirnya pada tahun 1956, Bloom, Englehart, Furst, Hill dan Krathwohl berhasil mengenalkan kerangka konsep kemampuan berfikir yang dinamakan *Taxonomy Bloom*.

Pembangunan Taksonomi Bloom

Pada tahun 1956, Bloom telah menyunting sebuah buku berjudul *Taxonomy of Educational Objectives Book 1 – Cognitive Domain* yang mencadangkan pengelasan objektif domain kognitif kepada enam komponen. Enam komponen ini adalah pengetahuan, kefahaman, aplikasi, analisis, sintesis dan penilaian. Enam komponen ini disusun berdasarkan hierarki daripada yang paling mudah kepada yang paling susah dan dikenali sebagai Taksonomi Bloom. Komponen pengetahuan melibatkan murid mengingat kembali perkara khusus dan sejagat. Manakala komponen kefahaman melibatkan murid menggunakan bahan yang dikomunikasikan tanpa perlu menghubungkannya dengan bahan lain. Komponen aplikasi pula melibatkan murid menggunakan apa yang telah dipelajari dalam satu situasi baharu yang khusus. Sementara komponen analisis pula melibatkan pemecahan sesuatu perkara kepada bahagian-bahagian kecil. Komponen sintesis mengajak murid untuk menggabungkan pelbagai unsur supaya membentuk satu keseluruhan atau

kesimpulan. Komponen terakhir adalah penilaian di mana murid akan menggunakan pertimbangan kualitatif dan kuantitatif untuk sesuatu kriteria yang telah ditetapkan.

Di samping domain kognitif, taksonomi tersebut juga memberi perhatian kepada domain lain iaitu afektif dan psikomotor. Objektif domain kognitif merupakan objektif yang memberi penumpuan kepada aspek pemikiran yang melibatkan akal. Manakala objektif domain afektif pula memfokuskan perasaan atau emosi, minat, sikap dan apresiasi serta nilai. Objektif domain psikomotor pula menekankan kemahiran otot dalam mengendalikan objek atau tindakan yang memerlukan koordinasi otot. Ahli psikologi berpendapat bahawa tidak ada satu objektif pendidikan pun yang mempunyai hanya satu jenis domain khusus. Sebagai contohnya, jika kita menguji objektif kognitif, di dalamnya juga terdapat elemen afektif dan elemen psikomotor. Pembinaan ketiga-tiga domain ini hanya untuk memudahkan ahli psikologi memberikan penekanan terhadap domain yang paling dominan atau yang dikehendaki dalam sesuatu penilaian (Krathwohl, 2002).

Taksonomi Yang Diubah Suai

Pada bulan November 1996, Lorin Anderson yang merupakan anak murid Bloom bersama David Krathwohl telah mengetuai usaha untuk mengemaskinikan Taksonomi Bloom. Usaha ini didasarkan dengan harapan agar dapat menambah baik taksonomi tersebut sesuai dengan peredaran masa dan abad ke-21. Ahli-ahlinya adalah terdiri daripada pakar psikologi kognitif, pakar teori kurikulum, pemimpin pendidikan serta pakar pengujian dan pentaksiran. Usaha ini telah berlangsung selama enam tahun. Akhirnya pada tahun 2001, mereka telah menerbitkan hasil penyelidikan yang mengutarakan perubahan dalam tiga kategori iaitu istilah, struktur dan penekanan (Forehand, 2004).

Perubahan yang paling ketara adalah perubahan istilah yang digunakan iaitu daripada kata nama (pengetahuan, kefahaman, aplikasi, analisis, sintesis dan penilaian) kepada kata kerja (mengingat, memahami, mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta). Perubahan ini adalah berdasarkan pendapat bahawa taksonomi ini merupakan satu proses yang aktif. Oleh itu kata kerja lebih sesuai digunakan kerana cirinya yang menjelaskan tentang tindakan yang dibuat. Daripada segi istilah juga, perkataan ‘pengetahuan’ telah diubah kepada ‘mengingat’. Istilah ‘kefahaman’ pula diubah kepada ‘memahami’. Sementara itu, ‘sintesis’ diubah kepada ‘mencipta’. Dalam hal ini, versi yang lama meletakkan ‘sintesis’ di bawah ‘penilaian’ dalam hierarki taksonomi. Manakala bagi versi disemak semula, ‘mencipta’ merupakan puncak bagi hierarki tersebut. Dalam hal yang berkaitan, berfikir secara kreatif (mencipta) adalah lebih kompleks daripada berfikir secara kritikal (menilai). Perubahan keseluruhan tersebut boleh dilihat pada rajah berikut.

Rajah 1: Perubahan taksonomi Bloom



Sumber: Pohl, 2000, Learning to think, thinking to learn, ms.8

Perubahan kedua ialah perubahan yang berlaku pada struktur. Taksonomi Bloom lama mempunyai satu dimensi. Manakala versi yang disemak semula terdiri daripada dua dimensi iaitu dimensi pengetahuan dan dimensi proses kognitif. Dimensi pengetahuan memfokuskan kepada jenis pengetahuan yang dipelajari dalam empat bentuk iaitu pengetahuan fakta, konsep, prosedur dan metakognitif. Dalam hal ini, metakognitif merujuk kepada kesedaran terhadap kefahaman diri dan mampu memperbaiki kefahaman tersebut jika berlaku kesalahfahaman. Sementara itu, dimensi proses kognitif memfokuskan kepada proses yang digunakan untuk belajar iaitu mengingat, memahami, mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta. Jadual 1 di bawah menunjukkan hal ini.

Jadual 1:Taksonomi Bloom yang disemak semula

Dimensi Pengetahuan	Dimensi Proses Kognitif					
	Mengingat	Memahami	Mengaplikasi	Menganalisis	Menilai	Mencipta
Pengetahuan fakta	Senarai	Ringkaskan	Klasifikasi	Aturan	Susunan	Gabungkan
Pengetahuan konsep	Terangkan	Interpret	Eksperimen	Hurai	Taksir	Rancangkan
Pengetahuan proses	Bentangkan	Ramalkan	Hitungkan	Bezakan	Simpulkan	Gubah
Pengetahuan meta-kognitif	Kegunaan sesuai	Laksanakan	Binakan	Rumuskan	Tindakan	Wujudkan

Perubahan ketiga ialah pada penekanan taksonomi tersebut. Taksonomi Bloom yang lama sesuai digunakan bagi murid di peringkat awal persekolahan. Manakala taksonomi yang disemak semula sesuai diaplikasikan untuk murid di sekolah rendah dan menengah serta pelajar di universiti atau kolej.

Roh dan Kerohanian

Perkataan roh atau al-ruh berasal dari bahasa Arab. Penggunaan perkataan al-ruh lebih banyak merujuk kepada nafas dan juga sesuatu yang menyebabkan hidup, bergerak, memperoleh manfaat dan juga mengelak daripada kemudharatan. Kalimah al-ruh mempunyai pelbagai makna. Al-ruh boleh dertiakan dengan makna nyawa, malaikat Jibril, hembusan angin, Nabi 'Isa al-Masih, kalam Allah dan rahmat Allah. Di dalam Bahasa Melayu, al-ruh diungkapkan sebagai roh. Roh ialah bahagian dalam manusia yang mempunyai daya berfikir (berperasaan, berkemahuan), jiwa dan juga benda hidup tidak berjasad yang berfikiran dan berperasaan (malaikat, jin, syaitan dan lain-lain) dan kiasan kepada semangat dan jiwa. Dalam konteks al-ruh sebagai sesuatu yang menyebabkan jasad hidup, bergerak, memperolehi manfaat dan juga mengelak daripada kemudharatan, al-ruh dibahagikan kepada roh insani dan roh hayawani (Al-Najjar, 2001). Menurut Said Hawwa (2010), roh insani ditakrifkan dengan suatu unsur halus yang dapat mengetahui dan memperolehi ilmu, dimiliki oleh manusia, yang terdiri daripada roh hayawani yang membuatkan akal menjadi lemah daripada mengetahui hakikat roh tersebut. Roh hayawani ditakrifkan sebagai satu jisim yang halus, tempatnya ialah di ruang kosong hati, dan beredar ke seluruh badan melalui saluran-saluran darah.

Aspek jasad manusia berbentuk material diciptakan daripada tanah atau air mani, sedangkan roh bersifat non-material ialah ‘sesuatu’ yang didatangkan langsung daripada Allah SWT. Imam al-Ghazali (1988) mencatatkan unsur non-material atau kerohanian dalam diri manusia terangkum dalam istilah yang bukan hanya tertumpu kepada istilah roh, bahkan qalbu, nafs dan akal yang menjadi hakikat sejati diri mereka. Dalam penggunaan istilah oleh al-Ghazali

itu - roh, nafs, qalb dan ‘aql - boleh ditukar ganti yang keempat-empatnya merujuk kepada apa diungkapkan imam besar berkenaan sebagai latifah rabbaniyyah ruhaniyyah yang bersifat ‘alimah mudrakah yang terdapat dalam diri manusia dan hakikat sejati mereka. Atas sebab kewujudan aspek kerohanian itu, manusia menerima kebertanggungjawaban (taklif) di dunia.

Justeru, non-material roh atau kerohanian itu ialah aspek amat penting dalam keseluruhan diri manusia dan inti sari diri serta ciri peribadi mereka. Ia bukan asing atau hanya ditampal, sebaliknya menjadi pusat hidup dan pusat segala kegiatan mereka. Oleh itu, perlulah difahami aspek material ataupun jasad manusia dijadikan tidak lebih sebagai alat tunggangan roh, iaitu jasad dijadikan untuk kepentingan roh, bukan sebaliknya. Menerusi aspek non-material, manusia sebagai makhluk Allah SWT terbaik sebenarnya sudah sedia mengakui-Nya sebagai Tuhan mereka seperti terungkap dalam firman-Nya: “Bukankah Aku Tuhan kamu? Mereka semua menjawab: Benar (Engkaulah Tuhan kami), kami menjadi saksi.” (Al-A’raf: 172)

Ayat ini perakuan dibuat manusia terhadap Ketuhanan Tuhan berlaku dalam alam al-arwah (roh) yang berada dalam ilmu Allah SWT dan tidak disedari manusia sebagai manusia yang hidup di alam nyata. Imam al-Junaid al-Baghdadi menjelaskan bahawa kewujudan manusia terbahagi kepada dua peringkat. Peringkat pertama merujuk kewujudan bersifat suci dan mempunyai hubungan langsung dengan Tuhan tanpa dibatasi sebarang hijab sebelum kedatangan mereka ke alam dunia ini. Dalam keadaan itu, arwah atau nufus manusia secara tegas memperakui keesaan Tuhan apabila ditanyakan ‘alastu bi Rabbikum’. Selepas itu, tiba peringkat kedua yang merujuk kewujudan manusia di atas dunia fana. Peringkat ini disempurnakan bersama jasad, lalu manusia menjadi sibuk dengan urusan memenuhi pelbagai tuntutan dan kemahuan jasad yang kesemuanya bersifat kebendaan. Dalam keadaan itu, manusia umumnya menjadi lalai kepada ‘perjanjian’ semasa di alam roh. Hidup dalam perangkap kelalaian dan manusia tidak lagi ingat kepada Tuhan. Pada ketika ini , aspek roh tersisih dan tidak diberi perhatian dalam agenda hidup seharian.

Atas sebab kewujudan aspek non-material, manusia disediakan dalam diri potensi sama ada menjadi baik ataupun sebaliknya seperti dalam firman Allah SWT dalam surah Al-Shams, ayat 7 hingga 10. Potensi kerohanian, iaitu al-nafs memiliki dwi-dimensi, iaitu boleh membawa ke arah kejahatan (fujur) dan takwa. Aspek fujur dan takwa sudah sedia tersemai di dasar diri manusia dalam bentuk potensi. Orang yang membersihkan dirinya dengan kerja ketakwaan akan beroleh kejayaan, manakala mereka yang mengotorinya dengan kejahatan (fujur) akan menempah kehampaan dan kekecewaan.

Penjelasan al-Quran itu menunjukkan roh maha penting dalam keseluruhan diri manusia, bukannya jasad atau aspek benda. Justeru, di sini jelas tertayang kesilapan kebanyakan manusia yang mengutamakan secara berlebihan terhadap jasad sehingga menjadikan mereka luar biasa sibuk dengan aspek keduniaan seperti kosmetik, fesyen dan sukan. Dalam suasana ini, roh diabaikan sehingga menimbulkan pelbagai bentuk krisis kerohanian seperti kerosakan akhlak, kehilangan ketenangan dan kedamaian hidup kerana mereka sebenarnya sedang melawan dan bertempur dengan tabii diri sendiri. Keadaan ini boleh diperhatikan dalam kehidupan sebahagian besar umat Islam. Mereka tidak memahami kedudukan dan peranan roh dalam keseluruhan kehidupan seperti terkandung dalam Islam. Mereka gagal mengenali diri sendiri, lalu terperangkap dalam kealpaan dan hanyut dalam pengembangan potensi fujur. Inilah punca atau penyebab utama kepada perlakuan akhlak keji dalam kalangan umat Islam.

Memahami betapa pentingnya peranan roh dalam kehidupan manusia dan kesannya kepada sistem pendidikan, tumpuan khusus wajar diberikan kepada aspek tersebut. Adalah diakui bahawa roh dan gejala kerohanian sangat kompleks, bersifat non-material dan sukar untuk dinilai secara objektif. Meskipun begitu, usaha untuk membina taksonomi bagi domain rohani tetap diperlukan untuk membantu guru merancang, melaksana dan menilai aktiviti pendidikan yang berkaitan dengan domain tersebut yang sebenarnya saling berinteraksi dengan domain-domain yang lain.

METODOLOGI KAJIAN

Penulisan ini menggunakan kaedah penyelidikan bersepadu yang mengiktiraf semua sumber ilmu yang diiktiraf dalam tradisi Islam secara berhieraki dan menyepadukan sumber naqli dan aqli dengan menjadikan pedoman wahyu sebagai teras dan pemutus. Secara lebih tepat, kaedah penyelidikan bersepadu adalah suatu usaha mencari jawapan dan kebenaran kepada sesuatu persoalan dengan menggunakan kaedah yang sistematik, boleh dipercayai dan sah serta berdasarkan bukti-bukti yang sahif sama ada bersifat empirikal (pengalaman), rasional (hujah aqliyah) mahupun hujah naqliyah yang berada dalam kerangka mematuhi tasawwur Islam atau pandangan alam Islam (Noor Hisham 2018). Dalam penulisan ini, kerangka pendidikan bersepadu yang diaplikasikan ialah gabungan kaedah penyelidikan turath Islami dengan merujuk kepada pedoman wahyu dan kaedah perpustakaan.

Kajian turath dalam penulisan ini adalah dengan merujuk kepada ayat-ayat al-Quran dan hadis yang berkaitan dengan manusia dan pendidikan serta hubungannya dengan aspek kerohanian. Dalam konteks ini, ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dengan tema roh dan penyucian jiwa dikumpulkan untuk difahami makna dan hubungan antara setiap satunya. Manakala kaedah perpustakaan pula digunakan untuk mengumpul penulisan primer dan sekunder mengenai Taksonomi Bloom yang dikupas dari pelbagai aspek dan satu karya menarik dalam aspek pendidikan kerohanian iaitu ‘Pendidikan Spiritual’ oleh Said Hawwa. Penulisan ini akan dianalisis dengan menggunakan kaedah deskriptif secara analisis-sintesis dan deduktif-induktif. Pendekatan deskriptif secara analisis-sintesis digunakan untuk melihat Taksonomi Bloom secara kritikal dan analitikal untuk mengesan kekuatan dan kelemahannya. Manakala pendekatan deskriptif secara deduktif-induktif pula diaplikasikan untuk menghasilkan rumusan domain taksonomi kerohanian sebagai cadangan penambahbaikan kepada taksonomi Bloom. Kesemua data atau penulisan yang terkumpul dianalisis menggunakan kerangka rujukan pandangan alam Islam berpaksikan prinsip tauhid. Menurut Mohammad Rafiuddin (1999), hasil yang diperolehi dari kaedah penyelidikan bersepadu seharusnya tidak bertentangan dengan pedoman wahyu, memberi manfaat dan tidak memudaratkan serta mendekatkan manusia kepada Tuhan.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dari dulu sehingga kini, manusia tidak berhenti mengkaji tentang kejadian dirinya dari pelbagai sudut. Para ilmuwan, filsuf dan agamawan berbicara mengenai manusia berabad-abad dan akan tetap meneruskannya. Sesungguhnya manusia adalah satu makhluk Tuhan yang unik dan kompleks. Manusia boleh dilihat sebagai makhluk Tuhan, makhluk individu, makhluk sosial, makhluk berbudaya dan makhluk etika. Manusia dalam al-Quran dinamakan sebagai insan. Dalam al-Quran, terdapat enam puluh lima kali dengan sebutan al-insan, dua ratus empat puluh kali dengan al-nas dan lapan belas kali dengan sebutan al-ins (Wan Mohd Nor 1994). Al-Syaibani (1991) menyebut tiga hal utama tentang manusia iaitu :

1. Insan itu dijadikan dari ‘alaq (segumpal darah)
2. Insan itu mempunyai daya untuk berilmu.
3. Insan itu boleh menjadi diktator apabila dia bersifat bongkak dan merasa tidak perlu lagi kepada penciptanya atau menurut ajaran penciptanya.

Al-Quran menyatakan penciptaan manusia dalam dua tahap yang berbeza. Tahap pertama ialah tahap primordial (6:2; 15:26, 28-29; 23:12; 30:20; 55:14). Tahap kedua ialah proses biologi yang dapat difahami dari pengalaman dan sains (86:5-8). Manusia adalah makhluk yang paling mulia dalam kalangan segala makhluk (17:70). Mulianya manusia kerana dia dipersiapkan oleh Allah dengan ilmu yang diajarkan sendiri oleh Allah (2:31; 96:5) sehingga dengan keilmuannya para malaikat tunduk hormat kepadanya (2:34). Manusia adalah makhluk yang hebat kerana kejadiannya yang terdiri dari dua dimensi rohaniah-jasmaniah, dikurniakan potensi untuk membezakan antara yang baik dan buruk dan mempunyai kemampuan untuk membuat pilihan (90:10; 91:8). Dengan itu, manusia diberi pertanggungjawaban (6:54; 42:52) dan ditundukkan alam ini kepadanya demi untuk kesejahteraannya (2:29; 31:20; 16:8, 11-12; 14:32-34).

Berdasarkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, manusia itu terdiri daripada empat unsur iaitu intelek, rohani, emosi dan jasmani. Pernyataan falsafah juga menyatakan bahawa keempat-empat unsur atau potensi ini perlu dikembangkan secara menyeluruh dan bersepadan untuk menghasilkan insan yang seimbang dan harmonis. Dengan ini jelas bahawa konsep manusia di dalam negara difahami sebagai satu makhluk yang berjasad, beremosi, mempunyai roh dan juga memiliki intelek (Dzulkifli Abdul Razak, 2017).

Pada asasnya, para pendidik muslim perlu memiliki taksonomi pendidikan meliputi kesemua domain tersebut iaitu aspek kemahiran fizikal (psikomotor), kebolehan berfikir (kognitif), kedalaman tatasusilaan nilai (afektif) dan kekuatan sistem kepercayaan dan kejernihan jiwa (kerohanian). Daripada keempat-empat aspek tersebut, domain kerohanian adalah yang terpenting kerana di sinilah terletaknya sistem kepercayaan manusia yang terkandung di dalamnya prinsip-prinsip kehidupan terpenting dan sangat diyakini sehingga mempengaruhi sebarang pembuatan keputusan di dalam kehidupannya. Aspek ini tetap menjadi satu keperluan dalam kehidupan meskipun manusia mengabaikannya atau menekannya agar tidak muncul dalam pentas kehidupan.

Rohani dan kerohanian manusia sangat berkait rapat dengan aspek hati dan jiwa. Hati inilah yang diungkapkan oleh Rasulullah SAW sebagai potensi yang menentukan pilihan hidup manusia. Sabda Rasulullah yang bermaksud: "Ketahuilah, sesungguhnya dalam jasad terdapat segumpal daging, apabila dia baik maka jasad keseluruhan akan menjadi baik, dan sebaliknya apabila dia buruk maka jasad tersebut akan menjadi buruk. Ketahuilah segumpal daging tersebut adalah "qalbu". (Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim).

Hati sebagai sumber ilmu dan wasilah untuk berfikir banyak dibincangkan oleh para sufi dan ahli tasawuf. Ahli sufi memberi pengertian kepada makna hati (al-qalbu) sebagai substansi yang halus, bukan material, dan berfungsi untuk mengenal hakikat segala sesuatu serta memiliki kemampuan untuk merefleksikan sesuatu. Kemampuan hati dalam memantulkan sesuatu hakikat bergantung kepada sifat hati itu sendiri sesuai dengan pengaruh pancaindera, syahwat, maksiat dan cinta. Kaum sufi menjadikan hati sebagai tempat makrifat dan medianya kerana mereka berpandangan perasaan dan akal seringkali tertipu. Menurut al-Najjar (2001), hati adalah isim jami' (sebuah istilah yang meliputi) yang di dalamnya terdapat keseluruhan tingkatan batin manusia.

Berdasarkan kepada kefahaman sebelumnya, Taksonomi Bloom yang berfokuskan domain kognitif tidak memadai untuk membantu guru-guru muslim melaksanakan tanggungjawabnya sebagai muallim atau murabbi. Taksonomi Bloom tidak mengambil kira potensi hati yang melibatkan aspek kerohanian, zikir dan penyucian jiwa. Meskipun Taksonomi Bloom mengiktiraf domain afektif yang dilihat dekat dengan konsep akhlak dan nilai, ia tidak menyentuh aspek kerohanian yang berkait dengan ketuhanan, jiwa dan hati yang dianggap penting dalam sistem pendidikan Islam. Hal ini menjadi lebih ketara dalam mata pelajaran yang melibatkan komponen ilmu fardu ain atau pendidikan Islam yang melibatkan aspek kefahaman, amalan dan penghayatan. Konsep penilaian yang digunakan oleh para guru pendidikan Islam banyak tertumpu kepada domain kognitif atau kefahaman berbanding aspek-aspek yang lain (Nursyahirah Wahidah et.al, 2018). Justru, bukanlah sesuatu yang ajaib jika pelajar muslim mendapat keputusan cemerlang dalam mata pelajaran pendidikan Islam tetapi tidak mengerjakan solat atau tidak menunjukkan akhlak yang sepatutnya.

Pembinaan Kerangka Awal Taksonomi Kerohanian

Berdasarkan latar perbincangan sebelumnya, konsep Taksonomi Bloom tidak lagi memadai untuk mencapai matlamat pendidikan Islam untuk melahirkan insan yang soleh dan muslih. Justeru, pembinaan taksonomi kerohanian adalah fundamental dan keperluan yang mendesak dalam sistem pendidikan Islam. Walau bagaimanapun, pembinaan taksonomi kerohanian yang mantap dan boleh dipertanggungjawabkan adalah satu perkara yang rumit dan memerlukan penyelidikan yang rapi. Dalam ruangan yang terbatas, penulisan ini hanya berusaha untuk membina kerangka awal sahaja untuk membolehkan taksonomi kerohanian yang tepat dapat dihasilkan pada masa hadapan. Sehingga ke hari ini, taksonomi kerohanian belum lagi dihasilkan oleh mana-mana pihak kerana hal ehwal kerohanian adalah sesuatu yang amat kompleks dan halus.

Berdasarkan dapatan awal yang diperolehi, penulis mengambil pendirian bahawa pembinaan taksonomi kerohanian perlu bermula dengan penelitian tentang makna, konsep dan konstruk utama atau tema penting yang membentuk domain tersebut. Adalah diakui bahawa roh adalah sesuatu yang sangat sukar untuk dicerap, diteliti dan dikaji kerana ia bersifat metafizik. Berpandukan satu karya besar yang dihasilkan oleh Said Hawwa iaitu Pendidikan Spiritual, penulis berusaha mencerakinkan pengertian domain kerohanian dalam konteks pendidikan sebagaimana berikut :

Kerohanian adalah merujuk kepada hal ehwal atau unsur yang berteraskan kepercayaan atau keimanan kepada Allah dengan menjadikan ajaran Islam (al-din) sebagai asas kepada pembinaan sistem kehidupan. Berdasarkan nilai dan kepercayaan tersebut, seseorang muslim memiliki tasawwur Islam yang benar, visi dan misi hidup (ubudiyah dan istikhraf) yang jelas, mempunyai hati yang bersih atau baik, mengamalkan ibadah wajib (rukun Islam) secara konsisten dan menunjukkan budi pekerti atau keperibadian yang tinggi.

Berdasarkan pengertian dan kata kunci tersebut, kerangka domain taksonomi kerohanian bagi umat Islam adalah dicadangkan sebagaimana berikut:

1. Nilai kepercayaan kepada Allah dan ingatan kepadaNya (prinsip tauhid)
2. Kefahaman agama (Tasawwur Islam)
3. Pemilikan prinsip, visi dan misi kehidupan yang bersambungan dengan ajaran atau nilai agama
4. Keadaan hati/ atau tahap nafsu (kebersihan hati dan pertarungan antara nilai baik dan jahat)
5. Pengamalan ibadah utama (solat)
6. Tingkah laku atau akhlak (kualiti peribadi)

Perlu ditegaskan bahawa domain kerohanian yang dicadangkan dalam penulisan ini bukan hak eksklusif untuk orang Islam sahaja. Ini kerana domain kerohanian sebenarnya wujud pada semua manusia sejagat meskipun mereka tidak mengakui atau mengabaikannya. Jika ciri-ciri sebelumnya adalah merujuk kepada umat Islam, pengertian domain kerohanian perlu diubahsuai sedikit supaya sesuai dan boleh diaplikasi kepada semua pelajar tanpa mengira sistem kepercayaannya sebagaimana berikut:

Domain kerohanian adalah merujuk kepada hal ehwal atau unsur yang berteraskan kepercayaan kepada Tuhan dan menjadikan agama atau sistem kepercayaan sebagai asas kepada pembinaan kehidupan. Berdasarkan nilai dan kepercayaan tersebut, seseorang memiliki sekelompok prinsip, visi dan misi kehidupan tertentu, mempunyai hati yang bersih atau baik, mengamalkan ritual agama secara konsisten dan menunjukkan budi pekerti atau keperibadian yang mulia.

Berdasarkan pengertian tersebut, seseorang individu itu mempunyai domain kerohanian yang tinggi jika dia memiliki ciri-ciri berikut:

1. Memiliki nilai kepercayaan yang teguh kepada Tuhan dan memberi impak kepada kehidupannya.
2. Memiliki pengetahuan yang jelas tentang agama atau sistem kepercayaan hidup.
3. Memiliki prinsip, visi dan misi kehidupan yang bersambungan dengan sistem kepercayaan.
4. Memiliki hati yang baik lagi bersih
5. Mengamalkan ritual agama secara konsisten
6. Mengamalkan cara hidup yang sihat dan berbudi pekerti mulia

Cadangan konstruk atau tema besar domain kerohanian ini adalah usaha atau inisiatif awalan untuk membina taksonomi kerohanian yang tepat pada masa hadapan. Pembinaan taksonomi kerohanian tidak bermaksud untuk menafikan sumbangan Taksonom Bloom yang berfokuskan kognitif dalam bidang pendidikan. Walau bagaimanapun, sikap berpada dengan taksonomi tersebut adalah tidak tepat kerana ia menafikan aspek kerohanian yang jauh lebih penting dan bermakna.

RUMUSAN

Penulisan ini menunjukkan bahawa Taksonomi Bloom yang diamalkan dalam sistem pendidikan umat Islam hari ini tidak memadai kerana ia mengabaikan satu aspek penting dalam diri manusia iaitu domain kerohanian. Kelemahan ini tidak bermaksud supaya pendidik muslim terus membuang atau meninggalkan taksonomi tersebut tetapi berusaha mengatasinya dengan membina taksonomi rohani yang bukan hanya diperlukan oleh pelajar muslim bahkan manusia sejagat. Penulisan ini hanyalah inisiatif awalan untuk membina taksonomi bagi domain rohani tersebut.

RUJUKAN

Al-Quran Al-Karim

Abu Muhammad Iqbal. (2015). *Pemikiran Pendidikan Islam; Gagasan-Gagasan Besar Para Ilmuwan Muslim*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar

al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (1986). *A commentary on the Hujjat al-Shiddiq of Nur al-Din al-Raniri*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan

al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (1999). *The concept of education in Islam*. Ed. Ke-3. Kuala Lumpur: Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam (ISTAC).

- Al-Najjar, Amir. (2001). *Ilmu jiwa dalam tasawwuf*. Terj. Drs. Hasan Abrori. Jakarta: Pustaka Azzam.
- al-Syaibani, Omar Muhammad al-Toumi.(1991). *Falsafah pendidikan Islam*. Terj. Hasan Langgulung. Shah Alam: Hizbi.
- Anderson, L. W., Krathwohl, D. R., Airasian, P. W., Cruikshank, K. A., Mayer, R. E., Pintrich, P. R., Wittrock, M. C. (2000). *A Taxonomy For Learning, Teaching, And Assessing: A Revision Of Bloom's Taxonomy Of Educational Objectives*. New York Longman, V(4), 302.
- Anderson, L.W, & Krathwohl, D.R. (2001). *A Taxonomy for Learning, Teaching, and Assessing: A Revision of Bloom's Taxonomy of Educational Objectives*. New York: Longman
- Bloom, B. S. (1956). *Taxonomy of Educational Objectives - Book 1 Cognitive Domain*. London: Longman Group Limited.
- Bloom, B. S., Krathwohl, D. R. & Masia, B. B. (1964). *Taxonomy of Educational Objectives - Book 2 Affective Domain*. London: Longman Group Limited.
- Dixon, C. S., Wright, V. H., Co-chair, C., Wilson, E. K., Co-chair, C., Rice, M., Matherson, L. (2015). *A Case Study of One Middle School Labeled Failing: Perceptions of The Impact of Strategic*.
- Dzulkifli Abdul Razak (2017). *Nurturing a balanced person. The leadership challenge*. Nilai : Penerbit USIM
- Forehand, M. (2004). *Bloom's taxonomy: from emerging perspectives on learning, teaching and technology*. <http://projects.coe.uga.edu> [1 September 2020].
- Furst, E. J. (1981). *Bloom's Taxonomy of Educational Objectives for the Cognitive Domain: Philosophical and Educational Issues*. Review of Educational Research Winter, 51(4), 441–453.
- al-Ghazali (1988). *Ihya ulumuddin*. Kitab ilmu. Terj. Ismail Yakub. Jil.1. Kuala Lumpur: Victory Ajensi.
- Gueguen, M. (2016). *A Measure Of Middle School Students' Ability To Think Critically When Exposed To Historical Thinking Pedagogy*. Loyola University Chicago.
- Krathwohl, D. R. (2002). *A revision of Bloom's taxonomy*. Theory into Practice. 41(4): 212-218. Malaysia. pp. 26-27.
- Mohammad Rafiuddin. (1999). *The meaning and purpose of Islamic research*. Dlm. Mohammad Muqim (ed), *Research Methodology In Islamic Perspective*. New Delhi: Institute of Objective Studies.
- Noor Hisham Md Nawi. (2018). *Pengenalan Kaedah Penyelidikan Islam; Gagasan dan Amalan*. Kota Bharu : Universiti Malaysia Kelantan
- Nursyahirah Wahidah Masrom, Mahyuddin Hashim, Noorhayati Hashim, Fariza Puteh Bachok. 2018. *Kedudukan Taksonomi Bloom Menurut Perspektif Islam*. Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs. Vol.1 (1), 18-26.
- Said Hawwa.(2010). *Pendidikan Spiritual*. Terj, Abdul Munip. Kuala Lumpur : Mutiara Ilmu Seleka Sdn. Bhd.
- Seddon, G. M. (1978). *The Properties of Bloom's Taxonomy of Educational Objectives for the Cognitive Domain*. Review of Educational Research, 48(2), 303–323.
- al-Syaibani, Omar Muhammad al-Toumi.(1991). *Falsafah Pendidikan Islam*. Terj. Hasan Langgulung. Shah Alam: Hizbi.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. (1994). *Konsep Ilmu Dalam Islam*. Terj. Rosnani Hashim. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Wan Mohd Nor Wan Daud. (1998). *The Educational Philosophy and Practice of Syed Muhammad Naquib Al-Atass; An Exposition of the Original Concept of Islamization.* Kuala Lumpur: ISTAC.